

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN “PB 60TH DIAMOND JUBILEE CELEBRATION”

Kempen “**PB 60th Diamond Jubilee Celebration**” (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad (No. Pendaftaran 196501000672 [6463-H]) (“PBB”). Terma dan syarat di bawah (“Terma dan Syarat”) akan mengawal Kempen ini.

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Januari 2026** hingga **31 Disember 2026**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut, atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh PBB (“Tempoh Kempen”).
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB di Malaysia.

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu baharu dan sedia ada yang berumur 18 tahun dan ke atas pada waktu penyertaan (“Peserta yang Layak”).
- 2.2 Untuk akaun bersama bagi deposit/pelaburan/pinjaman, Peserta yang Layak ialah pemegang akaun yang namanya pertama bagi akaun tersebut seperti yang dinyatakan dalam rekod PBB.
- 2.3 Untuk akaun yang dibuka oleh ibu bapa / penjaga bagi pihak kanak-kanak, Peserta yang Layak ialah ibu bapa / penjaga yang namanya pertama bagi akaun tersebut seperti yang dinyatakan dalam rekod PBB.
- 2.4 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:-
 - a) kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) dan Public Investment Bank Berhad (“PIVB”);
 - b) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
 - c) individu yang tidak waras;
 - d) individu yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadap mereka; dan
 - e) individu yang akaunnya dipegang oleh PBB dan/atau PIBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB dan/atau PIBB.

3. Mekanisme Kempen

3.1 Produk dan Perkhidmatan Layak (“Produk dan Perkhidmatan Layak”) di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Produk / Perkhidmatan Layak	Penerangan
Unit Amanah^a (“UT”)	i. Dana Siri PB / e-Siri Public Ekuiti / Berimbang / Aset Bercampur / Skim Persaraan Swasta (“PRS”) Konvensional ii. Dana Siri PB / e-Siri Public Bon / Pendapatan Tetap Konvensional
Insurans	i. Produk Bankasurans Premium Tunggal Konvensional ^b ii. Produk Bankasurans Premium Tetap Konvensional ^b iii. Insurans Perjalanan dan Kemalangan Diri Lonpac ^c
Pelaburan	i. Akaun Pelaburan Emas / e-Emas ^d ii. Akaun PB Sharelink ^e <ul style="list-style-type: none"> - Akaun Perdagangan Tunai - Akaun Perdagangan Cagaran - Margin - Margin campur Perdagangan - Margin - Faedah Khas - Margin campur Perdagangan – Faedah Khas iii. Pelaburan Produk Berstruktur Terbuka ^d iv. Pelaburan Produk Berstruktur Tertutup ^d
Kiriman Wang^f	i. Pindahan Bertelegraf Asing Masuk / Keluar (“FTT”)
Kad Kredit	i. Kad Kredit PB
Sewa Beli	i. Pembiayaan Sewa Beli Konvensional
Pinjaman Perumahan / Tetap	i. Pinjaman Perumahan Konvensional ii. Pinjaman Tetap Konvensional untuk Individu
Deposit^g	i. Akaun Semasa dan Simpanan Konvensional termasuk Akaun Semasa Mata Wang Asing (“CASA”) ii. Akaun Deposit Tetap Konvensional termasuk Akaun Deposit Tetap Mata Wang Asing (“FD”)
Perbankan Dalam Talian / Mudah Alih	i. Pindahan DuitNow ii. DuitNow QR iii. Bayaran Bil iv. JomPAY v. Bayaran Kad vi. Tambah Nilai Prabayar vii. Bayaran Pinjaman viii. Financial Process Exchange (“FPX”)

^a UT diuruskan oleh Public Mutal Berhad (“PMB”).

^b Produk Bankasurans ditaja jamin oleh AIA Berhad.

^c Insurans Perjalanan dan Kemalangan Diri Lonpac ditaja jamin oleh Lonpac Insurance Berhad.

^d Tidak dilindungi oleh PIDM.

^e Dana dalam akaun PB Sharelink dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit. Saham dalam akaun PB Sharelink tidak dilindungi oleh PIDM.

^f Urus niaga yang dibuat melalui Kiriman Wang tidak dilindungi oleh PIDM.

^g Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

- 3.2 Semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak berpeluang untuk memenangi Hadiah Istimewa, Hadiah Terjamin, Hadiah Suku Tahunan dan Hadiah Bonanza dengan memperoleh Penyertaan Intan dalam setiap bulan kalendar dengan memenuhi mana-mana kriteria* yang dinyatakan dalam Jadual A di bawah:

***(Peserta yang Layak dinasihatkan untuk merujuk kepada Klausula 4 untuk terma khusus bagi setiap Produk / Perkhidmatan Layak bagi tujuan Kempen ini).**

Jadual A

Bil.	Produk / Perkhidmatan Layak	Kriteria	Bil. Penyertaan Intan yang diperoleh
1	UT	Bagi setiap RM5,000 yang dilaburkan dalam Dana Siri PB / e-Siri Public Ekuiti / Berimbang / Aset Bercampur / PRS Konvensional	4
		Bagi setiap RM15,000 yang dilaburkan dalam Dana Siri PB / e-Siri Public Bon / Pendapatan Tetap Konvensional	2
2	Insurans	Bagi setiap RM1,500 yang dibeli dalam Produk Bankasurans Premium Tunggal Konvensional	1
		Bagi setiap RM4,000 amaun premium tahunan untuk Produk Bankasurans Premium Tetap Konvensional	4
		Mendaftar Insurans Perjalanan / Insurans Kemalangan Diri sebanyak RM250 dan ke atas	1
3	Pelaburan	Bagi setiap RM4,000 pembelian emas / penjualan emas	2
		Bagi setiap Jumlah Dagangan saham sebanyak RM40,000	1
		Bagi setiap RM50,000 atau yang bersamaan dengannya dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang dilaburkan dalam Pelaburan Produk Berstruktur Terbuka	2
		Bagi setiap RM35,000 atau yang bersamaan dengannya dalam RM yang dilaburkan dalam Pelaburan Produk Berstruktur Tertutup	3
4	Kiriman Wang	Bagi setiap RM3,000 atau yang bersamaan dengannya dalam RM dalam FTT	1

Bil.	Produk / Perkhidmatan Layak	Kriteria	Bil. Penyertaan Intan yang diperoleh	
5	Kad Kredit	Ahli Kad Baharu yang memohon dan mendapat kelulusan bagi mana-mana Kad Kredit PB Utama	5 (sekali sahaja)	
		Belanjakan amaun kumulatif minimum sebanyak RM3,000 atas semua kad kredit PB	1	
		Bagi setiap pindahan baki yang berjaya sebanyak RM3,000 (tidak termasuk semua amaun ansuran bulanan)	1	
6	Sewa Beli	Telah memohon setiap pembiayaan Sewa Beli Konvensional dengan amaun pembiayaan minimum sebanyak RM30,000, diluluskan dan dikeluarkan semasa Tempoh Kempen dan menyenggara CASA dengan PBB	3	
7	Pinjaman Perumahan / Tetap	Telah memohon dan menerima setiap pinjaman Perumahan / Tetap Konvensional yang diluluskan dengan amaun minimum sebanyak RM300,000 dan menyenggara CASA dengan PBB	5	
8	Deposit	CASA	Bagi setiap Baki Purata Bulanan ("MAB") Tambahan sebanyak RM5,000 atau yang bersamaan dengannya dalam RM	2
			Mengekalkan MAB minimum sebanyak RM30,000 atau yang bersamaan dengannya dalam RM	1
		FD	Mengekalkan MAB Tambahan minimum sebanyak RM50,000 atau yang bersamaan dengannya dalam RM	1
			Mengekalkan MAB minimum sebanyak RM300,000 atau yang bersamaan dengannya dalam RM	1
9	Perbankan Dalam Talian / Mudah Alih	Minimum 3 urus niaga pindahan DuitNow melalui proksi / akaun / DuitNow QR / DuitNow QR Rentas Sempadan dengan nilai urus niaga kumulatif minimum sebanyak RM500	1	
		Minimum 3 urus niaga bayaran bil / JomPAY / bayaran kad / bayaran pinjaman / tambah nilai prabayar dengan nilai urus niaga kumulatif minimum sebanyak RM500	1	
		Membuat minimum 3 urus niaga FPX dengan nilai urus niaga kumulatif minimum sebanyak RM500	1	

Bil.	Produk / Perkhidmatan Layak	Kriteria	Bil. Penyertaan Intan yang diperoleh
10	Pelanggan Baharu Bank ("NTB")	Pelanggan NTB merujuk kepada individu yang tidak mempunyai mana-mana rekod / hubungan dengan PBB dan PIBB sebelum Tempoh Kempen.	10 (sekali sahaja)

4. Terma Khusus bagi Produk dan Perkhidmatan Layak

4.1 Terma Khusus bagi UT

- a) Pelaburan UT yang dibuat dalam talian melalui Public Mutual Online ("PMO") adalah dibenarkan untuk menyertai Kempen ini, tertakluk pada Peserta yang Layak memenuhi kriteria Kempen.

Bagi mengelakkan keraguan, mana-mana pelaburan UT yang dibuat melalui PMO hendaklah dilayan oleh Kakitangan Jualan Berlesen PBB dengan Kod Ejen PBB yang dipilih sebagai perunding UT dalam PMO bagi tujuan Kempen ini.

- b) Peserta yang Layak dibenarkan untuk menggabungkan / mengumpulkan pelbagai jenis dana dalam kategori yang sama seperti yang dinyatakan dalam Jadual A.

Contoh

Peserta yang Layak A telah melabur dalam Dana Siri PB Ekuiti. Pengumpulan dana hanya dibenarkan bagi pelaburan UT dalam kategori UT yang sama, iaitu Dana Siri PB / e-Siri Public Ekuiti / Berimbang / Aset Bercampur / PRS Konvensional.

- c) Urus niaga tukar ganti daripada unit beban sifar, unit beban rendah dan unit 1% beban kepada unit beban bagi dana UT adalah dibenarkan untuk Kempen ini, tertakluk pada Peserta yang Layak memenuhi kriteria Kempen.

Nota:

- i. Unit beban sifar ialah unit yang tidak dikenakan mana-mana caj jualan.
- ii. Unit beban rendah ialah unit yang dikenakan caj jualan sebanyak 0.50% atau kurang daripada itu.
- iii. Unit 1% beban ialah unit yang dikenakan caj jualan melebihi 0.50%.
- iv. Unit beban ialah unit yang dikenakan caj jualan sebanyak 3% atau lebih daripada itu.

- d) Pelaburan UT berikut adalah TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:
 - i. Pelaburan UT di bawah dana berasaskan Syariah.
 - ii. Pelaburan UT menggunakan dana daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”).
 - iii. Urus niaga tukar ganti daripada unit beban kepada unit beban sifar, unit beban rendah, unit 1% beban dan unit beban.
- e) Peserta yang Layak dianggap tidak memenuhi kriteria Kempen di atas sekiranya UT dibatalkan semasa “tempoh bertenang” atau sekiranya pelaburan UT tersebut ditolak oleh PMB.

“Tempoh bertenang” merujuk kepada tempoh enam (6) hari perniagaan bermula dari tarikh penerimaan borang permohonan pelaburan dan pembayaran oleh PMB. Tempoh bertenang tersebut hanya diterima pakai kepada Peserta yang Layak yang melabur dalam mana-mana dana UT dengan PMB untuk kali pertama.
- f) Pelaburan UT tertakluk pada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh PMB.

4.2 Terma Khusus bagi Insurans

- a) Peserta yang Layak mestilah Pemilik Polisi.
- b) Peserta yang Layak boleh membeli beberapa polisi bagi setiap produk Bankasurans dalam Tempoh Kempen.
- c) Produk Bankasurans yang berkaitan dengan kredit, semua pelan berkumpulan, produk yang dijual melalui saluran telepemasaran atau saluran dalam talian tidak layak untuk Kempen ini.
- d) Produk Banktakaful tidak layak untuk Kempen ini.
- e) Tarikh pembelian / tarikh kuat kuasa polisi mestilah dalam Tempoh Kempen.
- f) Peserta yang Layak dianggap tidak memenuhi kriteria Kempen sekiranya:
 - i. insurans dibatalkan dalam “Tempoh Percubaan” atau sekiranya pembelian produk insurans tersebut ditolak oleh syarikat insurans; atau
 - ii. insurans tersebut dibatalkan oleh Peserta yang Layak.

“Tempoh Percubaan” merujuk kepada tempoh yang berkenaan bermula dari tarikh penerimaan dokumen polisi yang berkaitan dengan produk insurans yang berkenaan, sama ada dalam salinan bercetak / e-Polisi oleh Peserta yang Layak.

- g) Kombinasi beberapa polisi oleh pemegang polisi yang sama untuk memenuhi amaun premium minimum adalah layak untuk menyertai Kempen ini dengan syarat polisi tersebut adalah dalam kategori yang sama seperti yang dinyatakan dalam Jadual A.
- h) Amaun premium tidak termasuk mana-mana tokok ad hoc / tetap.
- i) Pembelian insurans juga tertakluk pada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh AIA Berhad dan Lonpac Insurance Berhad, mengikut keadaan yang berkenaan.

4.3 Terma Khusus bagi Pelaburan

- a) Hanya akaun PB Sharelink yang telah dipautkan dengan akaun Sistem Depositori Pusat (“CDS”) yang aktif dan disenggara dengan Bursa Malaysia Berhad (“Bursa”) dan akaun dagangan yang disenggara dengan PIVB layak untuk menyertai Kempen ini.
- b) Sekiranya Peserta yang Layak menyenggara lebih daripada satu (1) akaun PB Sharelink semasa Tempoh Kempen, Jumlah Dagangan yang dimuktamadkan dalam setiap akaun PB Sharelink dalam bulan kalendar yang sama akan digabungkan bagi tujuan menentukan keseluruhan Jumlah Dagangan untuk mengira kelayakan Penyertaan Intan bagi bulan kalendar tersebut.
- c) “Jumlah Dagangan” merujuk kepada nilai Kontrak Dagangan Saham kumulatif (nilai tidak termasuk amaun brokeraj, duti setem dan fi penjelasan).
- d) “Kontrak Dagangan Saham” bermaksud suatu kontrak di mana pesanan “Beli” atau “Jual” sesuatu saham telah disepadankan dan disahkan oleh Bursa serta nota kontrak telah dikeluarkan oleh PIVB.
- e) Pelaburan Produk Berstruktur (“SPI”) Terbuka merujuk kepada produk yang ditawarkan secara berterusan oleh PBB.
- f) SPI Tertutup merujuk kepada produk yang ditawarkan untuk tempoh masa terhad.
- g) Kombinasi atau pengumpulan SPI adalah dibenarkan dalam bulan kalendar, dengan syarat SPI tersebut adalah dalam kategori yang sama seperti yang dinyatakan dalam Jadual A.

- h) Peserta yang Layak dianggap TIDAK memenuhi kriteria Kempen sekiranya SPI tersebut:
 - i. dibatalkan semasa tempoh bertenang; atau
“Tempoh Bertenang” merujuk kepada tempoh tertentu yang dinyatakan dalam lembaran terma SPI masing-masing.
 - ii. ditolak atau dibatalkan oleh PBB; atau
 - iii. ditebus awal oleh Peserta yang Layak.

4.4 Terma Khusus bagi Kad Kredit

- a) “Ahli Kad Baharu” merujuk kepada Peserta yang Layak yang:
 - i. tidak memegang mana-mana kad kredit dengan PBB dan/atau PIBB; atau
 - ii. telah membatalkan kad kredit beliau dengan PBB dan/atau PIBB selama lebih daripada dua (2) tahun sebelum tarikh permohonan baharu mereka.
- b) Perbelanjaan kumulatif minimum sebanyak RM3,000 hendaklah merangkumi urus niaga runcit dan dalam talian yang dicaj dalam mata wang tempatan dan asing (“Perbelanjaan Layak”).
- c) Perbelanjaan Layak bagi Kempen ini merangkumi semua perbelanjaan runcit tempatan/luar negeri, pembelian dalam talian dalam mata wang tempatan/asing dan amaun penuh pembelian baharu di bawah Pelan Ansuran Tanpa Faedah (“ZIIP”) dan tidak termasuk amaun ansuran bulanan Flexipay dan ZIIP, pindahan baki, debit automatik, bayaran berulang, bayaran utiliti, pemasaran langsung, premium insurans, bayaran berkaitan kerajaan, bayaran melalui perbankan dalam talian PBB, perbankan mudah alih dan mesin juruwang automatik, mana-mana bayaran balik, urus niaga runcit yang dipertikaikan, tidak dibenarkan atau bersifat penipuan, pendahuluan tunai, kuasi tunai, urus niaga pertukaran asing, urus niaga kasino, bayaran faedah, caj bayaran lewat, caj kewangan, fi tahunan, pembalikan, sumbangan kepada badan kebajikan dan mana-mana bentuk fi perkhidmatan / fi lain.
- d) Perbelanjaan Layak oleh Ahli Kad Tambahan hendaklah diagregatkan dengan Perbelanjaan Layak Ahli Kad Utama dan jumlah amaun Perbelanjaan Layak agregat tersebut akan digunakan untuk menentukan perbelanjaan kumulatif minimum sebanyak RM3,000 yang diperlukan untuk Penyertaan Intan Ahli Kad Utama.

- e) Pindahan baki yang berjaya sebanyak RM3,000 (tidak termasuk semua amaun ansuran bulanan) merujuk kepada mana-mana permohonan Pindahan Baki PB yang dikemukakan oleh Peserta yang Layak dengan amaun kumulatif minimum sebanyak RM3,000 yang mana permohonan tersebut telah berjaya diluluskan oleh PBB semasa Tempoh Kempen.
- f) Peserta yang Layak adalah terikat kepada terma dan syarat mana-mana kempen yang berkaitan dengan Pindahan Baki PB.
- g) Contoh pindahan baki yang berjaya adalah seperti berikut:

Amaun yang Diluluskan bagi Pindahan Baki	: RM3,000
Kadar Faedah	: 0% setahun
Tempoh	: 6 Bulan
Ansuran Bulanan	: RM500
Amaun yang Diambil Kira bagi Penyertaan Intan	: RM3,000
Kelayakan Penyertaan Intan	: 1

- h) Sekiranya terdapat mana-mana pembalikan bagi mana-mana urus niaga kad kredit yang dibuat di bawah mana-mana kriteria Kempen di bawah kategori Kad Kredit, tiada Penyertaan Intan akan diperoleh bagi urus niaga yang dibalikkan tersebut.

4.5 Terma Khusus bagi Pinjaman Sewa Beli & Pinjaman Perumahan / Tetap

- a) Peserta yang Layak dikehendaki menyenggara CASA dengan PBB semasa Tempoh Kempen untuk layak memperoleh Penyertaan Intan.
- b) CASA yang disenggara dengan PBB mestilah **TIDAK** ditutup, digantung, dibatalkan, ditamatkan, dorman atau tidak aktif.
- c) Sekiranya Peserta yang Layak tidak membuka/menyenggara mana-mana CASA dengan PBB semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak tidak akan layak untuk memperoleh Penyertaan Intan.

4.6 Terma Khusus bagi Deposit

a) Pengiraan MAB dan MAB Tambahan adalah seperti berikut:

i. Akaun Deposit baharu dibuka semasa Tempoh Kempen:

Penerangan	Bulan Pembukaan Akaun	Bulan Berikutnya
MAB	Baki akhir hari harian teragregat dari hari akaun Deposit dibuka hingga hari terakhir bulan kalendar dibahagikan dengan jumlah bilangan hari sebenar dari hari akaun Deposit dibuka hingga hari terakhir bulan kalendar	Baki akhir hari harian teragregat bagi bulan kalendar dibahagikan dengan jumlah bilangan hari sebenar dalam bulan kalendar
Garis Asas	Garis asas adalah sifar	MAB bagi bulan kalendar sebelumnya
MAB Tambahan	MAB tolak Garis Asas	

ii. Akaun Deposit dibuka sebelum Tempoh Kempen:

Penerangan	Januari 2026	Bulan Berikutnya
MAB	Baki akhir hari harian teragregat bagi bulan kalendar dibahagikan dengan jumlah bilangan hari sebenar dalam bulan kalendar	
Garis Asas	Baki akhir hari pada 31 Disember 2025	MAB bagi bulan kalendar sebelumnya
MAB Tambahan	MAB tolak Garis Asas	

Pengiraan MAB dan MAB Tambahan adalah seperti Ilustrasi di Lampiran I.

4.7 Terma Khusus bagi Perbankan Dalam Talian / Mudah Alih

- a) Urus niaga berikut **tidak akan dianggap** sebagai urus niaga yang layak bagi Peserta yang Layak untuk memperoleh Penyertaan Intan:
 - i. Mana-mana pindahan atau bayaran melalui pindahan DuitNow melalui proksi / akaun / DuitNow QR / DuitNow QR Rentas Sempadan ke akaun sendiri atau akaun bersama Peserta yang Layak yang dipegang dengan PBB, PIBB dan/atau mana-mana bank lain atau e-dompet / penyedia e-tunai seperti Touch' n Go e-wallet oleh TNG Digital Sdn Bhd; dan
 - ii. Pembayaran bil kepada pengebil yang tidak disenaraikan dalam Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih PBB.
- b) Sekiranya terdapat mana-mana pembalikan atas mana-mana urus niaga yang dibuat di bawah mana-mana kriteria Kempen di bawah kategori Perbankan Dalam Talian / Mudah Alih, tiada Penyertaan Intan akan diperolehi bagi urus niaga yang dibalikkan tersebut.

5. Hadiah Istimewa

- 5.1 Semasa Tempoh Kempen, 6,000 Peserta yang Layak terawal yang mencapai minimum 150 Penyertaan Intan akan layak menerima Hadiah Istimewa, iaitu satu (1) unit Limited Edition PB Smart Watch.
- 5.2 Hadiah Istimewa akan diberikan berdasarkan siapa cepat, dia dapat. PBB tidak bertanggungjawab untuk menggantikan atau menambah Hadiah Istimewa setelah Hadiah Istimewa telah diagihkan sepenuhnya kepada semua Peserta yang Layak.
- 5.3 Setiap Peserta yang Layak hanya layak memenangi satu (1) Hadiah Istimewa di bawah Kempen ini.
- 5.4 Pemenang akan dimaklumkan oleh PBB dan mereka dikehendaki untuk mengambil Hadiah Istimewa tersebut di cawangan PBB dalam tempoh lapan (8) minggu dari tarikh dimaklumkan oleh PBB mengenai kelayakan mereka untuk menerima Hadiah Istimewa. PBB akan melucutkan Hadiah Istimewa tersebut dan berhak untuk memilih dan menghubungi Peserta yang Layak seterusnya yang disenarai pendek sekiranya Hadiah Istimewa tersebut tidak diambil dalam tempoh lapan (8) minggu dari tarikh pemakluman.

- 5.5 Setelah mengambil Hadiah Istimewa tersebut, pemenang hendaklah segera memeriksa dan meneliti Hadiah Istimewa tersebut bagi mana-mana kecacatan atau kerosakan di cawangan. Mana-mana kecacatan atau kerosakan hendaklah dilaporkan kepada kakitangan cawangan dengan segera semasa pemeriksaan Hadiah Istimewa tersebut.

6. Hadiah Terjamin

- 6.1 Semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak yang mengumpul Penyertaan Intan di bawah Kategori Peringkat masing-masing akan layak menerima Hadiah Terjamin kumulatif, iaitu Ganjaran Tunai seperti yang dinyatakan dalam Klausula 6.2.
- 6.2 Setelah memenuhi Penyertaan Intan yang diperoleh masing-masing, Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke CASA dalam RM Peserta yang Layak yang disenggara dengan PBB mengikut Kategori Peringkat masing-masing seperti berikut:

Kategori Peringkat	Penyertaan Intan yang Diperoleh	Ganjaran Tunai untuk dikreditkan (RM)	Jumlah Kelayakan Ganjaran Tunai Kumulatif (RM)
Gangsa	150 hingga 299	120	120
Perak	300 hingga 499	200	320
Emas	500 hingga 799	330	650
Platinum	800 hingga 1,199	600	1,250
Intan	1,200 dan ke atas	950	2,200

- 6.3 60 Peserta yang Layak teratas dengan Penyertaan Intan tertinggi di bawah Peringkat Intan akan layak menerima Ganjaran Tunai tambahan sebanyak RM3,800 yang mana jumlah kelayakan ganjaran tunai kumulatif ialah RM6,000 (termasuk semua Ganjaran Tunai yang dikreditkan bagi setiap Kategori Peringkat masing-masing).

Bagi mengelakkan keraguan:-

Sekiranya berlaku seri pada bilangan Penyertaan Intan yang diperoleh oleh Peserta yang Layak, Peserta yang Layak yang terlebih dahulu mengumpul Penyertaan Intan tertinggi akan dipilih sebagai pemenang.

- 6.4 Pemenang Hadiah Terjamin akan dimaklumkan oleh PBB dalam tempoh dua (2) hingga enam belas (16) minggu selepas bulan kalendar di mana Peserta yang Layak mencapai Kategori Peringkat masing-masing.

7. Pegganda Penyertaan Intan

- 7.1 Penyertaan Intan yang diperoleh oleh Peserta yang Layak akan digandakan mengikut Kategori Peringkat masing-masing untuk tujuan pemilihan pemenang bagi Hadiah Suku Tahunan dan Hadiah Bonanza seperti yang ditunjukkan di bawah:

Kategori Peringkat	Penyertaan Intan yang Diperoleh	Pegganda Penyertaan Intan
Asas	1 hingga 149	1
Gangsa	150 hingga 299	2
Perak	300 hingga 499	3
Emas	500 hingga 799	4
Platinum	800 hingga 1,199	5
Intan	1,200 dan ke atas	6

Contoh

Peserta yang Layak A memperoleh 200 Penyertaan Intan semasa Tempoh Kempen. Penyertaan Intan akan digandakan dengan dua (2) kali di bawah Kategori Peringkat “Gangsa”. Oleh itu, jumlah Penyertaan Intan yang diperoleh oleh Peserta yang Layak A bagi penyertaan dalam Hadiah Suku Tahunan dan Hadiah Bonanza ialah 400 Penyertaan Intan.

8. Hadiah Suku Tahunan

- 8.1 Tempoh pengumpulan Penyertaan Intan yang diperoleh bagi setiap suku tahun adalah seperti berikut:

Suku Tahun	Tempoh Pengumpulan Penyertaan Intan bagi Setiap Suku Tahun
Suku Tahun Pertama 2026	Januari 2026 hingga Mac 2026
Suku Tahun Ke-2 2026	Januari 2026 hingga Jun 2026
Suku Tahun Ke-3 2026	Januari 2026 hingga September 2026
Suku Tahun Ke-4 2026	Januari 2026 hingga Disember 2026

- 8.2 Semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak yang mengumpul minimum 150 Penyertaan Intan akan berpeluang untuk memenangi Hadiah Suku Tahunan seperti berikut:

Suku Tahun	Hadiah Suku Tahunan	Bil. Pemenang
Suku Tahun Pertama 2026	Proton e.MAS 7	3
	Ganjaran Tunai bernilai RM1,600	120
Suku Tahun Ke-2 2026	Proton e.MAS 7	6
	Ganjaran Tunai bernilai RM1,600	120
Suku Tahun Ke-3 2026	Proton e.MAS 7	9
	Ganjaran Tunai bernilai RM1,600	120
Suku Tahun Ke-4 2026	Proton e.MAS 7	12
	Ganjaran Tunai bernilai RM1,600	120

- 8.3 Setiap Peserta yang Layak hanya layak memenangi satu (1) Hadiah Suku Tahunan di bawah Kempen ini.

- 8.4 Ganjaran Tunai di bawah Hadiah Suku Tahunan akan diberikan kepada pemenang di dua belas (12) wilayah yang ditetapkan dengan sepuluh (10) pemenang bagi setiap wilayah yang ditetapkan untuk setiap suku tahun. Peserta yang Layak dinasihatkan untuk melayari laman web PBB untuk maklumat lanjut mengenai wilayah yang ditetapkan tersebut.

9. Hadiah Bonanza

- 9.1 Semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak yang mengumpul minimum 300 Penyertaan Intan akan berpeluang untuk memenangi Hadiah Bonanza.
- 9.2 Bilangan Hadiah Bonanza yang akan diberikan di bawah Kempen ini adalah seperti berikut:

Kategori	Hadiah Bonanza	Bil. Pemenang
Utama	Kereta EV Mewah bernilai RM300,000	3
Pertama	Proton e.MAS 7	30
Kedua	Ganjaran Tunai bernilai RM26,000	30
Ketiga	Ganjaran Tunai bernilai RM16,000	30
Saguhati	Ganjaran Tunai bernilai RM6,000	100
Jumlah		193

- 9.3 Setiap Peserta yang Layak hanya layak memenangi satu (1) Hadiah Bonanza di bawah Kempen ini.

- 9.4 Terdapat sejumlah 30 pemenang Proton e.MAS 7 di bawah Hadiah Bonanza yang mana seorang (1) pemenang akan dipilih dari setiap dua belas (12) wilayah yang ditetapkan, iaitu sejumlah dua belas (12) pemenang dari dua belas (12) wilayah yang ditetapkan tersebut dan baki lapan belas (18) pemenang akan dipilih daripada semua wilayah yang ditetapkan.

10. Pemilihan Pemenang

- 10.1 Pemenang bagi Hadiah Suku Tahunan dan Hadiah Bonanza akan dipilih melalui proses pemilihan rawak.
- 10.2 Pemenang yang disenarai pendek akan dihubungi melalui panggilan telefon dan/atau Perkhidmatan Pesanan Ringkas (“SMS”) dan mereka dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul untuk disahkan sebagai pemenang Hadiah Suku Tahunan dan/atau Hadiah Bonanza. PBB akan membuat tiga (3) percubaan panggilan dan/atau satu (1) percubaan SMS ke nombor telefon pemenang yang disenarai pendek tersebut yang disenggara dalam rekod PBB.
- 10.3 Sekiranya pemenang yang disenarai pendek gagal menjawab kesemua tiga (3) percubaan panggilan dan/atau gagal memberikan maklum balas dalam tempoh masa tertentu yang ditetapkan dalam SMS bagi percubaan SMS tersebut, pemenang yang disenarai pendek tersebut akan dibatalkan kelayakan secara automatik dan PBB berhak untuk memilih dan menghubungi pemenang seterusnya yang disenarai pendek.
- 10.4 Pemenang bagi Hadiah Suku Tahunan akan dimaklumkan oleh PBB dalam tempoh dua (2) hingga enam belas (16) minggu selepas tamat setiap suku tahun.
- 10.5 Pemenang bagi Hadiah Bonanza akan dimaklumkan oleh PBB dalam tempoh dua (2) hingga enam belas (16) minggu selepas Tempoh Kempen.

11. Penyerahan Hadiah

- 11.1 Pemenang Kereta EV Mewah dan Proton e.MAS 7 (“Kereta EV”) di bawah Hadiah Suku Tahunan dan Hadiah Bonanza (“Pemenang Kereta EV”) dikehendaki menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain di Kuala Lumpur. Semua kos pengangkutan, penginapan, peribadi dan/atau mana-mana kos, fi dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh Pemenang Kereta EV. Tarikh, masa dan tempat bagi Majlis Penyampaian Hadiah akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa.
- 11.2 Sekiranya Pemenang Kereta EV gagal menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah, PBB berhak untuk melucutkan Kereta EV tersebut dan memilih pemenang seterusnya yang disenarai pendek.
- 11.3 Fi pengendalian, fi pemprosesan, fi penimbangan, caj penghantaran, caj bahan api, perbelanjaan peribadi serta kos sampingan lain hendaklah ditanggung oleh Pemenang Kereta EV.

- 11.4 Sekiranya Kereta EV ditebus atas mana-mana sebab sekalipun pada harga runcit yang lebih rendah daripada harga runcit Kereta EV, perbezaan harga runcit tersebut tidak boleh ditukar atau dituntut dalam bentuk tunai, kredit, cek, atau dalam mana-mana bentuk permintaan oleh Pemenang Kereta EV7.
- 11.5 PBB tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana kerosakan / masalah / kerosakan mekanikal / isu berkaitan Kereta EV (sama ada besar atau kecil) dan mana-mana permintaan untuk menggantikan Kereta EV tidak akan dilayan.
- 11.6 PBB menolak mana-mana liabiliti, obligasi atau tanggungjawab berkaitan dengan hadiah. PBB tidak membuat representasi atau jaminan terhadap hadiah dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana hadiah yang rosak disebabkan oleh kecacatan pada bahan atau pembuatannya oleh pengilang di bawah jaminan atau sebaliknya. Peserta yang Layak hendaklah berurusan secara terus dengan pengilang dan/atau pengedar sahnyanya bagi maklumat jaminan sedemikian, tuntutan dan/atau terma dan syarat khusus tersebut berkaitan pemasangan, spesifikasi, penggunaan atau pengendalian hadiah.
- 11.7 Mana-mana risiko kehilangan atau kerosakan terhadap hadiah akan berpindah kepada pemenang sebaik sahaja hadiah tersebut dihantar/diambil oleh pemenang. PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi atau diwajibkan untuk mengakui atau menggantikan mana-mana hadiah yang hilang, rosak atau dicuri.
- 11.8 Hadiah di bawah Kempen ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, tidak boleh dirunding dan tidak boleh ditukar kepada tunai, pendahuluan, kredit atau barangan, sebahagiannya atau sepenuhnya.
- 11.9 Hadiah diberikan atas dasar “seadanya”.
- 11.10 Pilihan warna bagi hadiah, jika ada, tidak disediakan.
- 11.11 PBB tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana cukai atau kos sampingan yang berkaitan dengan hadiah di bawah Kempen ini yang mungkin dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa atau pihak ketiga berikutan kelayakan Peserta yang Layak terhadap hadiah tersebut.
- 11.12 Mana-mana gambar yang ditunjukkan dalam mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan pemasaran lain (“Bahan Pemasaran”) berkaitan dengan Kempen ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi dan mungkin tidak menggambarkan warna, model atau spesifikasi sebenar hadiah. Hadiah tidak termasuk mana-mana aksesori atau barang yang ditunjukkan dalam Bahan Pemasaran tersebut.
- 11.13 PBB berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan hadiah lain yang mempunyai nilai setara.

- 11.14 PBB berhak untuk melucutkan hadiah dan/atau menarik balik mana-mana Penyertaan Intan sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap Terma dan Syarat ini dan/atau terma dan syarat yang diterima pakai yang mengawal Produk dan Perkhidmatan Layak dan/atau mana-mana terma dan syarat lain yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Peserta yang Layak berkaitan dengan Kempen ini.

12. Penyerahan Ganjaran Tunai

- 12.1 Pemenang Ganjaran Tunai dikehendaki untuk menyenggara CASA dalam RM dengan PBB bagi tujuan pengkreditan Ganjaran Tunai.
- 12.2 Peserta yang Layak tidak akan layak menerima Ganjaran Tunai di bawah Kempen ini sekiranya CASA dalam RM mereka ditutup, digantung, dibatalkan, ditamatkan, dorman atau tidak aktif sebelum pengkreditan Ganjaran Tunai.

13. Terma dan Syarat Am

- 13.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang diterima pakai yang mengawal Produk dan Perkhidmatan Layak dan/atau mana-mana terma dan syarat lain yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Peserta yang Layak berkaitan dengan Kempen ini (termasuk mana-mana pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terhadap terma dan syarat tersebut). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang diterima pakai yang mengawal Produk dan Perkhidmatan Layak dan/atau mana-mana terma dan syarat lain yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Peserta yang Layak berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 13.2 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi kebenaran bahawa nama, nombor telefon, alamat surat-menyurat dan 4 digit terakhir nombor pengenalan Peserta yang Layak dalam rekod PBB akan diserahkan oleh PBB kepada vendor yang dilantik oleh PBB untuk penghantaran dan/atau pengambilan hadiah bagi tujuan Kempen ini.
- 13.3 Mana-mana prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama dengan hadiah dalam semua bahan bercetak, laman web, aplikasi perbankan mudah alih, platform media sosial atau cawangan PBB adalah untuk tujuan hiasan sahaja dan tidak membentuk sebahagian daripada hadiah.
- 13.4 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan keputusan PBB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas Peserta yang Layak. PBB tidak akan melayan mana-mana rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga mengenai mana-mana perkara berkaitan Kempen ini dan hadiah.

- 13.5 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi kebenaran kepada PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat Peserta yang Layak bagi tujuan Kempen ini.
- 13.6 Peserta yang Layak bersetuju untuk membenarkan PBB menerbitkan atau memaparkan nama atau gambar mereka dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, platform dalam talian PBB dan mana-mana platform lain seperti yang ditentukan oleh PBB bagi tujuan Kempen ini.
- 13.7 PBB tidak akan bertanggungjawab ataupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa jua bentuk atau walau bagaimana sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga, sama ada secara langsung atau tidak langsung, akibat daripada Kempen ini dan/atau hadiah, kecuali disebabkan oleh kecuaiian ketara atau salah laku yang disengajakan oleh PBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 13.8 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah representasi fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini, hadiah yang ditawarkan dan/atau yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 13.9 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, jaminan atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengesahan terhadap apa-apa yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Kempen ini dan/atau hadiah di bawah Kempen ini.
- 13.10 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran mana-mana urus niaga yang dilakukan melalui Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih PBB atau yang direkodkan dalam sistem PBB, yang mungkin menyebabkan Peserta yang Layak terlepas daripada proses pemilihan semasa Tempoh Kempen.
- 13.11 Sekiranya terdapat mana-mana ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan atau berhubung dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini hendaklah diterima pakai.

13.12 PBB berhak untuk:-

- a) menambah, memotong atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa dan terma dan syarat yang dipinda tersebut akan diterima pakai berbanding apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan promosi lain yang mengiklan Kempen ini;
- b) membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum berakhirnya Kempen ini, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB bagi mana-mana dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut.

13.13 Terma dan Syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

13.14 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Privasi PBB yang menyatakan bagaimana PBB menggunakan maklumat mereka dalam laman web PBB atau di mana-mana cawangan PBB.

13.15 Peserta yang Layak diingatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum menyertai Kempen ini. Sekiranya terdapat mana-mana terma yang tidak difahami oleh Peserta yang Layak, Peserta yang Layak dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat bebas dan berbincang lanjut dengan wakil PBB.

Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong

Ilustrasi 1: Peserta yang Layak A membuka akaun Deposit pada 18 November 2026, iaitu semasa Tempoh Kempen

Tarikh	Baki akhir hari harian
18 November 2026 hingga 30 November 2026	RM5,000
1 Disember 2026 hingga 21 Disember 2026	RM8,000
22 Disember 2026 hingga 31 Disember 2026	RM2,000

November 2026	
Baki akhir hari harian teragregat dari hari akaun Deposit dibuka hingga hari terakhir bulan kalendar	$RM5,000 \times 13 \text{ hari} = RM65,000$
Jumlah bilangan hari sebenar dari hari akaun Deposit dibuka hingga hari terakhir bulan kalendar	13 hari
MAB bagi bulan kalendar	$RM65,000 / 13 \text{ hari} = RM5,000$
Garis Asas	RM0
MAB Tambahan bagi bulan kalendar	$RM5,000 - RM0 = RM5,000$

Disember 2026	
Baki akhir hari harian teragregat bagi bulan kalendar	$(RM8,000 \times 21 \text{ hari}) + (RM2,000 \times 10 \text{ hari}) = RM188,000$
Jumlah bilangan hari sebenar dalam bulan kalendar	31 hari
MAB bagi bulan kalendar	$RM188,000 / 31 \text{ hari} = RM6,064.52$
Garis Asas	RM5,000 iaitu MAB bagi bulan kalendar sebelumnya
MAB Tambahan bagi bulan kalendar	$RM6,064.52 - RM5,000.00 = RM1,064.52$

Ilustrasi 2 : Peserta yang Layak B telah menyenggara akaun Deposit sebelum Tempoh Kempen

Tarikh	Baki akhir hari harian
31 Disember 2025	RM3,000
1 Januari 2026 hingga 15 Januari 2026	RM10,000
16 Januari 2026 hingga 31 Januari 2026	RM13,000
1 Februari 2026 hingga 28 Februari 2026	RM100,000

Januari 2026	
Baki akhir hari harian teragregat bagi bulan kalendar	$(RM10,000 \times 15 \text{ hari}) + (RM13,000 \times 16 \text{ hari}) = RM358,000$
Jumlah bilangan hari sebenar dalam bulan kalendar	31 hari
MAB bagi bulan kalendar	$RM358,000 / 31 \text{ hari} = RM11,548.39$
Garis Asas	RM3,000 iaitu baki akhir hari pada 31 Disember 2025
MAB Tambahan bagi bulan kalendar	$RM11,548.39 - RM3,000.00 = RM8,548.39$

Februari 2026	
Baki akhir hari harian teragregat bagi bulan kalendar	$(RM100,000 \times 28 \text{ hari}) = RM2,800,000$
Jumlah bilangan hari sebenar dalam bulan kalendar	28 hari
MAB bagi bulan kalendar	$RM2,800,000 / 28 \text{ hari} = RM100,000$
Garis Asas	RM8,548.39 iaitu MAB bagi bulan kalendar sebelumnya
MAB Tambahan bagi bulan kalendar	$RM100,000 - RM8,548.39 = RM91,451.61$